

# Ketokohan Haji Hasan Musa dalam Seni Tarannum di Malaysia dan Kaedah Tilawah al-Quran al-Lahjah al-Arabiyyah

**BITARA**Volume 2, Issue 3, 2019: 093-102  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

Wan Hilmi Wan Abdullah,<sup>1</sup> Hamdi Ishak,<sup>1</sup> Sabri Mohamad,<sup>1</sup> Ahamad Asmadi Sakat<sup>1</sup>  
& Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad<sup>2</sup>

## Abstrak

Haji Hasan bin Musa seorang tokoh qari yang sangat terkenal di Malaysia bahkan di Nusantara amnya. Beliau amat pakar dalam seni bacaan *tarannum* al-Quran terutama dalam aspek bacaan *berlahjah 'Arabiyyah*. Kekuatan dan keistimewaan itu melonjakkan namanya sebagai kalangan qari yang berpegang dengan prinsip bacaan *berlahjah* kearaban menurut hukum hakam tajwid dan usul riwayat. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis bacaan *tarannum* yang diaplikasikan oleh beliau yang merangkumi aspek *maqam* lagu, *tabaqah* suara dan *al-waqf wa al-ibtida'*. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mengumpul data daripada analisis dokumen dan temu bual. Analisis data pula dilakukan melalui pendekatan deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah tilawah yang dilaksanakan dalam surah al-Qiyamah, juz 29: 1-6 dan surah al-Kahf, Ayat 1-16 menemukan penerapan bacaan *berlahjah arabiyyah* merangkumi aspek *maqam* lagu berirama *Misri*, penyesuaian *tabaqah* suara mengikut makna ayat, wakaf lagu berdasarkan kaedah *al-waqf dan ibtida'*. Implikasi kajian adalah gaya bacaan *al-lahjah al-'arabiyyah* memberi kesan terhadap seni bacaan *tarannum* itu.

## Kata Kunci

Ketokohan, Tilawah, Qari dan *Tarannum*

### Cite This Article:

Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad, Ahamad Asmadi Sakat & Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad. 2019. Ketokohan Haji Hasan Musa dalam seni *tarannum* di Malaysia dan kaedah tilawah al-Quran *al-Lahjah al-Arabiyyah*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 093-102.

## Pengenalan

Perbincangan mengenai kaedah tilawah al-Quran khususnya dalam bidang *tarannum* adalah suatu perkara penting dalam ilmu seni al-Quran. Ia berperanan besar dalam menentukan tilawah seseorang sama ada mengikut kaedah bacaan yang mempunyai ciri-ciri *al-lahjah al-'arabiyyah* ataupun tidak. Nama Haji Hasan Musa walaupun tidak begitu dikenali ramai, namun beliau adalah seseorang qari yang cukup berpengalaman serta memiliki kemahiran tinggi dalam kaedah seni *tarannum al-lahjah al-'arabiyyah*. Beliau dianggap sebagai pejuang seni *tarannum* di Malaysia yang mengamalkan identiti dan corak bacaan al-Quran secara kearaban.

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Kolej Agama Islam Selangor, Selangor, Malaysia

### Corresponding Author:

Hamdi Ishak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: hamdi@ukm.edu.my

Penglibatan secara langsung di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 60 an telah mengukuhkan status beliau sebagai qari terkenal, namun atas sebab-sebab tertentu namanya dipinggirkan yang menyebabkan beliau tidak dikenali. Penulisan ini akan menyorot kembali sejarah ketokohan serta kaedah tilawah gaya kearaban yang diterapkan oleh beliau.

## Latar Belakang Haji Hasan bin Musa

Pada zaman sebelum dan selepas Perang Dunia ke-2, kampung Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan adalah sebuah kampung yang sangat terkenal dengan budaya ilmu kerana menempatkan sebuah pondok di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Abdul Rahman. Ketika itu kawasan sekitarnya kebanyakan terdiri daripada pelajar-pelajar pondok dan beliau bekerja sebagai petani. Pada tanggal 2 Januari 1942, Haji Hasan Musa dilahirkan di perkampungan tersebut dan dibesarkan oleh ibunya, Hajah Sa'diah setelah berpisah dengan ayahandanya sebagai pasangan suami isteri.

Pada tahun 1944, bondanya ditakdirkan bertemu jodoh dengan Mohd Yusuf bin Haji Taib yang merupakan seorang pelajar di pondok tersebut. Lantaran itu, Haji Hasan kemudiannya dipelihara dan dijaga oleh ayah tirinya semenjak dia berumur lebih kurang tiga tahun. Haji Hasan tidak seperti keluarga lain yang hidup dalam keadaan yang serba kekurangan, namun beliau dibesarkan dalam suasana yang cukup baik dengan belajar ilmu-ilmu al-Quran.

Haji Hasan Musa (2014) disatukan dengan Hajah Che Rahmah binti Muhammad. Hasil perkongsian hidup bersama, beliau dikurniakan tujuh orang cahaya mata dan kini menetap di Taman Seri Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.

## Peringkat Pengajian

Haji Hasan dilahirkan ketika perang dunia kedua meletus. Teramat sukar untuk digambarkan betapa kekusutan kemelut yang melanda suasana sistem pengajian pada ketika itu. Walau bagaimanapun ia tidak menghalang kedua ibubapanya untuk terus menghidupkan lampu masa hadapan kepada anak-anak mereka dalam menimba ilmu pengetahuan, apatah lagi beliau merupakan seorang yang cintakan ilmu pengetahuan. Haji Hasan dibesarkan dalam suasana yang dikelilingi dengan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan, terutama ilmu-ilmu teras seperti fiqh, tauhid, hadith, tafsir, al-Quran dan sebagainya. Justeru kehidupan beliau sangat terdedah dengan pengajian ilmu-ilmu agama tersebut.

Ketika Haji Hasan berusia enam tahun, beliau telah dihantar oleh ayah tirinya untuk bertalaqqi dengan seorang guru al-Quran wanita yang amat dikenali ramai iaitu Hajah Nik Zainab binti Haji Nik Mahmud (isteri kepada pengasas pondok Lubuk Tapah, Tuan Guru Haji Abdul Rahman). Hajah Nik Zainab antara orang terawal yang bertanggungjawab mencorak dan membimbing Haji Hasan Musa dalam mengenal huruf *hija'iyah*, baris-baris huruf, tajwid dan sebagainya sehingga berkebolehan menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Beliau Berjaya menyelesaikan khatam al-Quran selepas berusaha gigih di bawah bimbingan Hajah Nik Zainab. Hajah Nik Zainab antara individu yang sangat memberi kesan terhadap Haji Hasan dalam proses pengajian al-Quran di peringkat awal.

Sebagai seorang pencinta al-Quran sejak kecil lagi, Haji Hasan dihantar oleh ayah tirinya bagi memantapkan lagi penguasaan bacaan al-Quran bersama Haji Abdul Rahann bin Haji Ngah sebagai guru al-Quran di pondok Lubuk Tapah dan sempat khatam sebanyak tiga kali. Di samping mempelajari ilmu tajwid, beliau juga mula mendalami ilmu seni tarannum al-Quran.

Kelebihan yang ada pada Haji Hasan Musa ialah memiliki suara yang baik telah mendorong beliau menimba ilmu seni tarannum. Pada usia empat belas tahun, beliau mula mempelajari ilmu tarannum dengan ayahnya sendiri iaitu Haji Musa. Beliau merupakan qari yang cukup terkenal dan sinonim dengan panggilan ‘Musa tukang lagu’ yang giat dan aktif mengajar al-Quran secara berlagu kepada orang ramai di kediamannya di kampung Lemal, Pasir Mas setiap malam Jumaat.

Minat dan kesungguhan yang ditunjukkan itu mendorong hati ayahandanya untuk menghantar beliau berguru bersama Haji Ahmad bin Matsom (Haji Ahmad merupakan qari terkenal di zaman itu dan sempat bertalaqqi berlagu dengan beberapa qari masyhur di Mekah dan Mesir (Shaykh Taha al-Fashni, Shaykh Abdal-Samad Fida, Mesir, Shaykh Abdal-Samad Jambi, Indonesia, tapi tinggal di mekah lama) yang terkenal dengan panggilan Haji Matsom Pergau. Haji Musa pernah berkata kepada anaknya “kalau hasan betul-betul hendak belajar lagu, ayah boleh bawa Hasan pergi jumpa dengan Haji Mat Pergau, tidak ada orang lain selain dia yang pandai lagu (tarannum) yang asal dari Negara Arab. Maka Haji Matsom menerima Haji Hasan sebagai muridnya, tambahan pada waktu itu Haji Ahmad yang baru pulang dari Mesir dan masih tiada pekerjaan yang hendak dilakukan (Wan Hilmi 2014: 218).

Haji Matsom Pergau telah membuka peluang seluas-luasnya kepada Haji Hasan untuk bertalaqqi dan menuntut ilmu dengannya, dan kelas tersebut telah diadakan di bandar pasir mas. Pada waktu itu, kalangan para qari masih belum mengenali siapa Haji Matsom. Namun setelah beliau mendapat tempat pertama dalam pertandingan tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa pada tahun 1961, maka nama beliau mulai dikenali.

Bermula sekitar tahun 1963, Haji Hasan dilantik sebagai bilal di Masjid Bandar Pasir Mas, Kelantan yang telah menggantikan tugas sebelumnya yang dipikul oleh Haji Mohd Yusof Haji Abdullah (Beliau merupakan bekas johan tilawah peringkat kebangsaan dan antarabangsa tahun 1963, qari seangkatan dengan Haji Macsom Pergau). Ini kerana Haji Mohd Yusof berpindah ke Masjid Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dengan jawatan sebagai Imam.

Bagaimanapun setelah itu haji Hasan Musa dinaikkan pangkat sebagai Imam Muda di Masjid Bandar Tumpat pada 31 Disember 1966 sebagai pengiktirafan kepada keilmuannya dan kemahirannya dalam ilmu al-Quran dan ilmu fekah. Kemudian beliau dilantik pula sebagai Imam Muda di Masjid Isma'il, bandar Jajahan Tumpat oleh Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), seterusnya bertukar kepada jawatan Imam Tua di Masjid yang sama. Tugas sebagai Imam di masjid tersebut tidak kekal lama sehingga beliau sekali lagi dipindahkan ke Masjid al-Salam, Pengkalan Chepa, Kota Bharu sekitar tahun 1983. Beliau telah pun bersara tetap sebagai Imam pada tahun 1998 dan kini giat mengajar anak watan di sekitar negeri Kelantan.

## Sumbangan Tokoh

Sepanjang penglibatan Haji Hasan dalam dunia tilawah al-Quran, beliau dilantik sebagai hakim musabaqah al-Quran semenjak di zaman remaja lagi iaitu tahun 1965 selepas dinobatkan sebagai johan tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa pada tahun sebelum itu. Rentetan itu, beliau diamanahkan sebagai juri hakim dalam tilawah al-Quran peringkat negeri Kelantan dan mengadili peserta dalam bahagian lagu (tarannum). Kemudian pada tahun 1975 hingga 1978, beliau dilantik pula menjadi hakim tilawah peringkat Kebangsaan. Seterusnya pada tahun 1979, beliau sekali lagi terpilih menjadi hakim pada majlis tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa di Negara Libya. Melangkah lebih jauh lagi, pada tahun 2003 hingga 2004 beliau diundang ke Singapura sebagai hakim tilawah peringkat Kebangsaan di sana. Beliau kemudiannya diberi peluang oleh kerajaan Singapura (Masjid Umar, kampung Melaka, Cina Town) selama 3 tahun untuk memberikan khidmat mengajar al-Quran kepada warga-warga Singapura yang berminat untuk bertalaqqi dengannya (Wan Hilmi 2014: 221). Sebaik sahaja pulang dari Singapura, jemputan mengajar al-Quran datang mencurah-curah sehingga tidak sempat tangan untuk berkhidmat kepada semua. Beliau juga diberi peluang oleh institusi-institusi di Sabah untuk mengajar al-Quran bagi mengembangkan lagi ilmu tarannum di beberapa buah tempat antaranya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Sabah, Maahad Tahfiz dan Masjid Kota Kinabalu. Menurut Haji Hasan, lokasi pertama beliau berkhidmat dengan mengajar seni tarannum al-Quran ialah di Muşalla Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu (tahun 1975, 1976, 1977, 1978). Peringkat permulaan beliau hanya bertindak sebagai pengganti di tempat gurunya iaitu Haji Matsom Pergau selepas diminta oleh kerajaan Negeri Kelantan berbuat demikian atas cadangan serta kepercayaan Haji Matsom sendiri. Maka di sinilah bermulanya perkembangan seni tarannum al-Quran serta kaedah pengajarannya. Di antara anak-anak murid beliau yang terkenal dalam seni tarannum ini ialah:

Bil	Nama Murid	Pencapaian	Tahun
1	Haji Abdullah bin Hj Hasan (Haji Lah Murtabak)	Peringkat Negeri Kelantan	-
2	Haji Mohamad Haji Yusuf	Johan Tilawah Antarabangsa	1991
3	Haji Mokhtar Haji Ahmad	Johan Tilawah Kebangsaan	1976
4	Haji Abdul Rahman (bilal Masjid Kubang Kerian)	Peringkat Negeri Kelantan	-
5	Haji Abdul Rahim Ahmad	Johan Tilawah Antarabangsa	1994, 1995
6	Che Yahaya Daud	Johan Tilawah Antarabangsa	1999
7	Haji Noor Din Idris	Johan Tilawah Antarabangsa	1985
8	Hajah Sapinah Mamat	Johan Tilawah Antarabangsa	1981, 1987

9	Hajah Faridah Mat Saman	Johan Tilawah Antarabangsa	1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1991
10	Hajah Rahmas Abdullah	Johan Tilawah Antarabangsa	1982, 1984, 1985, 1992, 1995
11	Hajah Siti Nor Isma'il	Johan Tilawah Antarabangsa	1966
12	Puan Qamariah binti Abdullah	Peringkat Negeri Melaka	-

Rajah 1: Murid-murid Haji Hasan Musa Peringkat Awal

Di samping itu, Haji Hasan turut mengajar tarannum di beberapa buah masjid dan tempat-tempat pengajian antaranya ialah;

1. Masjid as-Salam, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.
2. Masjid Bandar Tumpat.
3. Masjid Jamek Tok Uban, Pasir Mas dan lain-lain lagi.
4. Surau Taman Seri, Pengkalan Chepa.

Selain daripada itu, Haji Hasan juga diberi kepercayaan untuk berkongsi ilmu tarannum bersama masyarakat melalui saluran radio kelantan. Khidmat beliau tidak terhenti setakat itu, malah banyak permintaan daripada masyarakat luar sana untuk berguru dengan beliau. Justeru, pada tahun 2001, sebuah Pusat Tahfiz al-Quran dari Singapura telah berminat bagi mendapatkan khidmatnya terutama dalam bidang tarannum. Pada peringkat awal, beliau terlebih dahulu mengajar di rumah-rumah dan masjid-masjid sebelum ditempatkan di sekolah Tahfiz. Setelah berbakti selama 4 tahun di Singapura, maka pada tahun 2005 beliau kembali ke Sabah. Di Sabah, beliau mengajar tarannum di sebuah pusat Tahfiz dan pulang ke tanah air hanya sebulan sekali. Sehingga kini terdapat ramai anak-anak muridnya yang berjaya dalam bidang tarannum terutamanya dalam tilawah al-Quran di peringkat masing-masing (Wan Hilmi 2014: 224).

Kini, Haji Hasan banyak menghabiskan masa terluang dengan memberikan khidmat mengajar tarannum di Pusat Jagaan Harian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Pengkalan Chepa. Di pusat tersebut, mereka yang belajar terdiri dalam kalangan orang-orang tua sahaja.

Menurut Wan Hilmi (2014: 225) dalam membuat analisis terhadap bacaan, Haji Hasan Musa pernah menukikan kata-kata Haji Ahmad Matsom;

1. Matsom Pergau pernah memberitahu beliau “kalau hendak bunga-bunga lagu yang sedap pergi cari Haji Hasan”.
2. Matsom Pergau berkata: “Hj Hasan boleh meniru.” Tidak sangka bacaan dia dalam surah al-Kahf yang pernah dibaca oleh Matsom Pergau.
3. Matsom pergau berkata: “suara dia sumbang (sumbang disengajakan), dalam lagu Hijaz ada, Soba ada dan paling banyak dalam Sika.

## Analisis Bacaan

**Sampel 1:** Surah al-Qiyamah, juz 29: 1-6, rakaman tanpa tarikh dan tempat.

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ١ وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ٢ أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ نَجْمَعُ عِظَامَهُ ٣ بَلَىٰ قَدِيرِينَ عَلَيَّ  
أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ ٤ بَلْ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ ٥ يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ٦

Dalam ayat di atas terdapat beberapa ciri tarannum yang diterapkan oleh Haji Hasan Musa sebagaimana berikut:

1. Beliau menggunakan *maqam* Rast. Dalam lagu tersebut terdapat beberapa *jumlah* lagu (*jumlah lahniyyah*) yang dibaca.
2. Beliau mengaplikasi *tabaqah* suara *qarar*, *jawab* dan *jawab al-jawab*.
3. Perhentian (*waqfah*) lagu yang menarik dan sempurna.
4. Menepati dengan *usul* riwayat Hafs.
5. Penutup (*qafrah*) yang sudah dijangka.
6. Penyusunan *maqam* lagu yang teratur dan tersusun
7. *Uslub* bacaan yang bebas dan pelbagai variasi lagu dan suara yang diterapkan.
8. Penyesuaian sebutan dengan kalimah dan huruf serta kandungan maksud ayat.
9. Teknik penekanan suara ke atas kalimah dan huruf yang tepat dan sesuai.
10. Naik dan turun suara yang mengikut kaedah *sullam musiqi* yang tepat.
11. Bacaan berlahjah kearaban (*al-lahjah al-'arabiyyah*) iaitu getaran (*u'rab*) suara yang tetap dan utuh serta tidak bergetar seperti tergelincir atau lari dari jalannya.
12. Mengikut *tariq* atau *uslub qira'ah* Shaykh Mustafa Isma'il.

**Sampel 2:** Surah al-Kahf Ayat 1-16

Kaedah Lagu dan Teknik Suara	Pengjumlahan Ayat	Ayat
Beliau menggunakan <i>maqam bayyati</i> dengan <i>tabaqah</i> suara <i>qarar</i> .	Pengjumlahan Pertama dengan alunan <i>bayyati</i>	لَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ١
Beliau melakukan <i>ibtida'</i> pada ayat (ولم يجعل) dengan menyambung terus pada k alimah (قيما) sehingga <i>waqf</i> pada (المؤمنين).	Pengjumlahan Kedua	وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ١ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّنْ لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ
Beliau melakukan <i>ibtida'</i> bacaan pada kalimah (ويبشر) dan <i>waqf</i> pada kalimah (حسنًا) dengan mengaplikasikan <i>tabaqah</i> suara <i>qarar</i> .	Pengjumlahan Ketiga	وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ٢

Pada <i>jumlah lahniyyah</i> keempat, beliau mengangkat sedikit suara. Penekanan suara pada kalimah (مكثين) adalah untuk memanaskan lagi bacaan sebelum melakukan <i>jawab husaini</i> . Proses peralihan suara ini telah memasuki kawasan <i>tabaqah jawabat</i> (جوابات).	Pengjumlahan Keempat	مُكثِينَ فِيهِ أَبْدًا ٣
Pada <i>jumlah lahniyyah</i> ini, beliau menggunakan <i>maqam bayyati</i> dan membuat sambungan dengan ayat ke-4, seterusnya <i>waqf</i> pada kalimah (لأبأءهم).	Pengjumlahan Kelima	٣ وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا ٤ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ
Pada ayat (كبرت كلمة), beliau meneruskan bacaan dengan nada suara menurun ke bawah dan memberhentikan pada kalimah (كذبا).	Pengjumlahan Keenam	كَبُرَتْ كَلِمَةً تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ٥
Pada kalimah (فأعلك), beliau mengangkat sedikit nada suara bagi merangsang gerak bacaan sebelum melakukan proses <i>jawab husaini</i> kali kedua pada ayat berikutnya.	Pengjumlahan Ketujuh	فَأَعْلَكَ بَجَعِ نَفْسِكَ عَلَىٰ آثَرِهِمْ إِنْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِهَذَا الْحَدِيثِ أَسَفًا ٦
Beliau melakukan <i>jawab husaini</i> pada kalimah (لنبلوهم أيهم أحسن عملا), namun berbeza pada bentuk pembawaan awal.	Pengjumlahan Kelapan	إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ٧
Pada <i>jumlah lahniyyah</i> ini, beliau membuat gerak rangsangan suara sebelum melakukan <i>jawab bayyati</i> asli.	Pengjumlahan Kesembilan	وَإِنَّا لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ٨
Beliau merangsang suara dengan teknik rangsangan selain rangsangan pertama.	Pengjumlahan Kesepuluh	أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ٩
Beliau mengulangi proses <i>jawab bayyati</i> asli, namun berbeza pembawaan awal dari yang sebelumnya.	Pengjumlahan Kesebelas	إِذْ أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ١٠
Pada <i>jumlah lahniyyah</i> ini, beliau mengangkat sedikit suara	Pengjumlahan Kedua Belas	فَضْرَبْنَا عَلَىٰ آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ١١

bagi memberi rangsangan pada ayat berikutnya.		
Beliau menurunkan suara, namun dalam kadar yang sederhana.	Pengjumlahan Ketiga Belas	ثُمَّ بَعَثْنَاهُمْ لِنَعْلَمَ أَيُّ الْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِئُوا أَمَدًا ١٢
Beliau menurunkan suara kepada <i>tabaqah</i> (القرارات) dan melakukan <i>wasl</i> bacaan antara kalimah (الحق) dengan (انهم), kemudian <i>waqf</i> pada kalimah (هدي)	Pengjumlahan Keempat Belas	لَحْنٌ نَّفْصٌ عَلَيْكَ نَبَأُهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَرَزَقْنَاهُمْ هُدًى ١٣
Pada <i>jumlah lahniyyah</i> ini, beliau berpindah kepada <i>maqam hijaz</i> dengan membuat potongan lagu <i>ghair tam</i> (separuh), dan berhenti pada kalimah (الأرض).	Pengjumlahan Pertama dengan alunan <i>hijaz</i>	وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
Beliau menyambung bacaan dengan memulakan <i>ibtida'</i> pada kalimah (فقالوا) dan <i>waqf</i> pada akhir ayat (شططا) dengan gubahan lagu secara <i>tam</i> (penuh).	Pengjumlahan Kedua	فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوَ مِنْ دُونِهِ ۗ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا ١٤
Pada <i>jumlah lahniyyah</i> ini beliau melaksanakan <i>jawab hijaz</i> asli dan <i>waqf</i> bacaan pada kalimah (بين).	Pengjumlahan Ketiga	هُؤُلَاءِ قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ ۗ ءَالِهَةً لَّوَلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطٰنٍ بَيِّنٍ
Beliau menyempurnakan alunan <i>jawab</i> yang sebelumnya dengan <i>tabaqah</i> suara yang setara dan memberhentikan bacaan pada kalimah (كذبا) seolah-olah dua kelompok gubahan ini saling menyokong antara satu sama lain.	Pengjumlahan Keempat	فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَىٰ اللَّهِ كَذِبًا
Beliau menurunkan nada suara kepada <i>tabaqah</i> (القرارات) secara <i>ghair tam</i> dan <i>waqf</i> pada kalimah (رحمته).	Pengjumlahan Kelima	وَإِذْ أَعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأَوْأٰ إِلَى الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ ۗ
Beliau memulakan <i>ibtida'</i> bacaan pada kalimah (فأووا) dan menurunkan suara kepada <i>qarar hijaz</i> secara <i>tam</i> .	Pengjumlahan Keenam	فَأَوْأٰ إِلَىٰ الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ ۗ وَيُهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ مَرْفَاقًا ١٦



## Kesimpulan

Hasil kajian ini menjelaskan tentang *uslub* bacaan *al-lahjah al-‘arabiyyah* yang diterapkan oleh Haji Hasan Musa dalam bacaan tarannum dalam tiga aspek utama iaitu penentuan *maqam* lagu, *tabaqah* suara dan kaedah perhentian *al-waqf wa al-ibtida’*. Kriteria tersebut merupakan elemen terpenting dalam bacaan tarannum yang mendorong kepada pendekatan bacaan *al-lahjah ‘arabiyyah*. Ia menjadi satu kelebihan dan keistimewaan baginya dalam bidang seni tarannum sehingga digelar sebagai qari ‘berlahjah arab’ dalam kalangan qari-qari. Impak dari kemahiran dan kepakaran beliau dalam seni tarannum telah melahirkan ramai murid yang berjaya di pelbagai peringkat musabaqah tilawah al-Quran. Implikasi kajian adalah gaya *al-lahjah al-‘arabiyyah* memberi kesan kepada seni bacaan tarannum itu.

## Rujukan

al-Quran al-Karim

- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2015. *Bacaan Berlahjah Arabiyyah dalam Kalangan Qari dan Qariah Peringkat Kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah, Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2014. *Ketokohan Haji Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum dan Kaedah Tilawahnya*. Bangi: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ermy Azziaty Rozali & Mohd Samsuddin Harun. 2006. Ketokohan Tuan Guru Haji Ahmad Matsom Pergau dan Sumbangannya dalam Pengajian al-Quran di Kelantan dan Terengganu. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III, Ketokohan Dan Pemikiran Ulama Melayu*. UKM Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Hasan Musa. 2014. Pengalaman Pengajian Tarannum. Temubual. Taman Seri, Pengkalan Chepa pada hari Jumaat, 21 Disember.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK). 2013. Tradisi Keunggulan Qari Dan Qariah Negeri Kelantan.
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2007. *Biografi Qari Qariah di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM)
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2003. *Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa*. Cet. Pertama.
- Jabatan Kemajuan Islam Jakim (JAKIM). 2007. *Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Cet. Pertama.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2008. *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*. Cet. Pertama.
- Nik Ja’far Nik Isma’il 1998. *Buku Qawa’id Tarannum, Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohammad. 2010. Haji Ahmad Ma’asom Pergau dan Sumbangannya dalam Pengajian Tarannum di Kelantan. Tesis Sarjana. Jabatan al-Quran Dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM.

- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2010. *Fann Tilawah al-Quran*. Fakulti Pengajian Islam, UKM: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2012. *Ketokohan Syeikh Muṣṭafā Isma'il dan Sumbangan Beliau dalam Dunia Tilawah al-Quran*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ilmu Wahyu dan Turath dalam Peradaban Islam. 24 & 25 November 2012. Riau: Universiti Islam Negeri Sultan Sharif Kasim.
- Wan Hilmi Wan Abdullah & Ahmad Shafiq Mat Razali & Nor Faizah Panut & Zulkifli Abd Mubi. 2013. *Pengaruh Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari Melayu di Nusantara Dalam Tilawah al-Quran : Satu Analisis Awal*. Prosiding al-Quran al-Karim Mendepani Era Globalisasi. 11-12 September 2013 UNISSA: Fakulti Usuluddin.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. *Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.